

SIARAN SEGERA

SWM ENVIRONMENT SIAP SIAGA SAMBUT TAHUN BARU CINA

SEREMBAN, 22 JANUARI 2020 – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) bersiap siaga dengan 108 buah jentera lori kompaktor dan kekuatan 1,008 orang anggota kerja yang akan bertugas pada hari pertama cuti perayaan Tahun Baru Cina bagi memastikan perkhidmatan kutipan sisa pepejal berjalan lancar dan persekitaran berada dalam keadaan bersih.

“SWM Environment juga memastikan sejumlah 55 buah lori terbuka atau lori *Roll On Roll Off* (*RoRo*) berada dalam keadaan baik untuk melakukan kutipan sampah bagi tong-tong komunal yang ditempatkan di lokasi yang ditetapkan bagi kemudahan orang ramai melupuskan sisa pepejal,” kata Pengurus Wilayah Melaka & Negeri Sembilan, SWM Environment Sdn Bhd, Dr Al’Ashari Bin Haji Othman.

Strategi ini telah dirangka dan dirancang dengan teratur dan teliti saban tahun dan penambahbaikan sentiasa dilakukan bagi memastikan perkhidmatan SWM Environment berada di tahap optimum dan produktiviti yang maksimum.

Tambah beliau lagi, SWM Environment juga memastikan pada hari kedua perayaan yang jatuh pada hari Ahad, seramai 255 orang anggota bekerja dengan kekuatan aset sejumlah 12 buah lori kompaktor dan tujuh buah lori *RoRo* ditempatkan di lokasi mengikut jadual yang ditetapkan.

SWM Environment merangka strategi modus operandi secara tiga peringkat iaitu operasi menjelang perayaan bermula pada 22hb hingga 24hb, diikuti dengan operasi pada hari perayaan bermula pada 25hb hingga 26hb Januari bagi memastikan kelancaran perkhidmatan SWM Environment di seluruh Negeri Sembilan.

Peringkat ketiga adalah operasi selepas perayaan Tahun Baru Cina bermula pada 27hb Januari di mana kekuatan anggota adalah sepenuhnya dan perkhidmatan SWM Environment berjalan seperti biasa mengikut jadual yang ditetapkan.

SWM Environment juga memastikan tempat-tempat tumpuan pelancong seperti pantai Port Dickson dan taman-taman rekreasi di Negeri Sembilan yang di bawah perkhidmatan SWM Environment disediakan anggota bertugas dan aset jentera sokongan, memandangkan cuti perayaan jatuh pada hujung minggu.

Kerja-kerja pembersihan 18 buah pantai di Port Dickson berjalan seperti biasa bermula pada jam 6.00 pagi sehingga 3.30 petang dan sesi kedua bermula 7.30 pagi sehingga 4.30 petang. Selain itu, jentera *Beach Comber* bertugas mengikut jadual ditetapkan. Sejumlah 221 buah tong sampah beroda dan tong komunal ditempatkan di semua pantai Port Dickson bagi kemudahan pengunjung untuk melupuskan sisa pepejal.

Di samping itu juga, tumpuan diberikan di 29 lokasi rumah pangsa /(*apartment*) yang mempunyai kepadatan penduduk berbangsa Cina yang ramai bagi memastikan sisa yang dijana oleh penduduk diuruskan dengan baik dan penduduk berada dalam keadaan selesa dan persekitaran sentiasa bersih.

Pasukan SWAT (*SWM Environment Action Team*) iaitu pasukan khas turut bersedia memantau, meronda kawasan perkhidmatan serta melaksanakan kerja-kerja yang memerlukan penyelesaian segera semasa cuti perayaan Tahun Baru Cina.

Penglibatan dan kerjasama orang ramai juga diperlukan bagi bersama-sama bertanggungjawab memelihara kebersihan kawasan persekitaran dengan melupuskan janaan sisa ke dalam tong sampah yang disediakan serta membudayakan amalan kitar semula dengan melakukan pengasingan sisa pepejal di punca mengikut kategori kertas, plastik dan lain-lain. Pembudayaan dan amalan kitar semula dapat membantu kelestarian alam sekitar sekaligus mengurangkan beban janaan sisa ke tapak pelupusan yang kian meruncing.

-TAMAT-

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1997 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.98 juta orang bagi liputan geografi 27,400 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAR3CYCLE, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAR3CYCLE menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan terima mata ganjaran untuk lebih daripada 30 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian atau jaringan dompet elektronik (*e-wallet*) Boost untuk berbelanja dengan pedagang yang tersedia di bawah sistem pembayaran secara elektronik (*e-payment*). Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAR3CYCLE melalui *Google Play* atau *Apple Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.